

**LAPORAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DI-ODITKAN**

bagi

**LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

1965 & 1966

ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNTS

of the

**FEDERAL AGRICULTURAL
MARKETING AUTHORITY
MALAYSIA**

1965 & 1966

Harga \$1

LAPORAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DI-ODITKAN

bagi

LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA

1965 & 1966

ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNTS

of the

*FEDERAL AGRICULTURAL
MARKETING AUTHORITY
MALAYSIA*

1965 & 1966

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

AHLI2 LEMBAGA UNTUK TAHUN YANG BERAKHIR 31HBDISEMBER, 1966

Pengerusi Y.B. ENCHE HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N., M.P.,

Timbalan Pengerusi ENCHE ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN,
K.M.N., P.J.K.,

Ahli2 Rasmi

*Setiausaha Tetap, DATO'SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN.
Kementerian Pertanian D.P.M.P
dan Sharikat Kerjasama*

*Setiausaha Tetap, ENCHE MA'AROF BIN SHEIKH AHMAD, J.M.N
Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar*

*Timbalan Setiausaha ENCHE' THONG YAW HONG, J.M.N.
Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana
Me teri*

*Wakil, ENCHE' ABDUL GHANI BIN MOHD. NOOR, S.M.S
Setiausaha Tetap,
Kementerian Perdagangan dan Perusahaan*

*Wakil, ENCHE' MOHD. NURZID BIN MOHD. WALL
Setiausaha Tetap,
Perbendaharaan*

*Ahli2 Y.M. PROFESSOR UNGKU AZIZ.
Tidak Rasmi Y.B. ENCHE' THOMAS KANA, K.M.N. M.P.
Y.B. DATO GANIE GILONG, M.P.
Y.B. DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, M.P.
Y.B. ENCHE' KAM WOON WAH, J.P., M.P.
ENCHE' MANSOR BIN OSMAN, K.M.N., P.J.K.*

LAPORAN TAHUNAN 1965/1966

Ini ada-lah laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang pertama sekali. Laporan ini meliputi jangka masa sa-lama lima belas bulan, dari pada 30hb September, 1965, tarikh Lembaga ini di-tubohkan, hingga 31hb Disember, 1966.

Lembaga ini telah di-tubohkan di-bawah kuat-kuasa Undang2 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 yang menyatakan tugas2-nya saperti berikut:-

- (a) Untuk mengeratkan gerakerja2 mengenai pemasaran pertanian bagi berbagai2 penduduk (sama ada bergabong atau tidak bergabong dan sama ada di-dalam perkhidmatan awam atau tidak) yang berkenaan atau mungkin berkenaan dengan sa-barang aspek bagi pemasaran hasil pertanian.
- (b) Untuk menimbang dan memajukan di-mana2 yang **mustahak** dan yang di-kehendaki, chara2 dan jalan dan kaedah2 pemasaran yang ada bagi hasil pertanian, dan menchari serta memajukan pasar2 baru dan saloran2 bagi hasil pertanian; dan
- (c) Untuk bekerjasama dengan orang2 atau badan2 pertubuhan (sama ada bergabong atau tidak bergabong dan sama ada di-dalam perkhidmatan awam atau sa-balek-nya) untuk mendapatkan pemasaran hasil pertanian yang kesan dan lichin.

Lembaga ini ada-lah bertanggong jawab kepada Y.B. Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-dalam melaksanakan tugas2 dan tanggong jawab-nya.

Lembaga ini di-tubohkan untuk mengatasi mas'alah sistem pertanian yang tidak sempurna di-Malaysia. Penubohan Lembaga ada-lah di atas keperchayaan yang tegoh bahawa sa-saorang peladang itu mesti-lah di-berikan dorongan dan galakan untuk menambah lagi pengeluaran-nya dan dengan demikian membaiki keadaan hidup-nya. Kemudahan2 yang di-sediakan saperti kemudahan taliayer yang lebeh luas keadaan sewa tanah yang lebeh baik, perbadanan pertanian kredit yang lebeh berkesan, dan kegunaan chara pertanian yang lebeh maju termasok kegunaan beneh2 berhasil tinggi dan baja, chuma dapat menghasilkan pengeluaran yang berpadan jikalau sa-orang peladang itu mempunyai dorongan untuk berbuat demikian. Malangnya, kegiatan2 pemasaran dalam segi pertanian tidak-lah menghasilkan kesan2 yang di-harapkan. Ini ada-lah kerana kaum peladang dan nelayan di-Malaysia tidak mempunyai kuasa perundingan yang chukup dan juga jalan bagi mendapat harga yang berpatutan, untuk pengeluaran mereka. Keadaan ini di-sebabkan oleh bidang perkerjaan mereka yang terhad luas-nya dan oleh kekurangan modal. Oleh itu, sa-barang ranchangan untuk membangunkan ekonomi negara, yang bertujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan kaum2 petani, merendahkan harga dan basi harga pemasaran bagi faedah kedua2 belah pehak pengeluar dan pengguna, menambah pendapatan mata wang asing daripada ekspot barang2 pertanian, atau mengurangkan perbelanjaan mata wang asing dengan chara mengeluarkan sendiri barang pengganti impot, mestilah memberi perhatian khas kepada ranchangan membaiki pemasaran pertanian.

Sistem pemasaran pertanian di-negeri ini sangat-lah tidak sempurna dan keadaan ini ada-lah di-timbul oleh kerana ada-nya beberapa faktor seperti hutang-piutang di-luar bandar, sistem kredit luar bandar, bidang tanah pertanian yang kecil, kekurangan pengetahuan menjalankan sa-suatu dan juga kekurangan ma'umat berkeraan dengan pemasaran kekurangan mutu2 dan darjah2, chara2 beli-membeli yang tidak berubah2, chengkaman kuat oleh orang2 tengah dan lain2 lagi. Oleh yang demikian, peladang2 adalah terdedah kapada pemerasan.

Penubohan Lembaga ini ada-lah hasil daripada chadangan Major H.C. Biggs, Penasihat Pemasaran daripada Kementerian Pembangunan Luar Negeri, United Kingdom. Chadangan ini di-buat sa-telah beliau mengadakan suatu penyelidikan yang mendalam di atas beberapa chubaan yang di-selenggara oleh Kerajaan pada masa yang lepas untuk membaiki sistem pemasaran hasil pertanian di-negeri ini. Di-dalam chadangan2-nya yang di-serahkan pada bulan Ogos, 1964, Major Biggs berpendapat bahawa sungguh pun ada beberapa jabatan Kerajaan dan Lembaga2 yang bertanggong jawab tentang beberapa segi yang berlainan berkeraan dengan pemasaran, seperti Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan (RIDA), Lembaga Kemajuan tanah Persekutuan (FELDA), Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Bahagian Kemajuan Sharikat Kerjasama, dan Bahagian Peranchang dan Penyelidikan di-Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, tetapi tidak terdapat sa-buah Lembaga yang tunggal di-masa itu yang bertanggong jawab di-atas seluroh soal2 pemasaran. Apabila ada perselisihan2 pendapat di-antara Kementerian2. Bahagian dan Lembaga2, tidak-lah ada Lembaga di-mana perselisihan tersebut ini dapat di-rojokan dan di-mana keputusan boleh diambil sebagai panduan. Major Biggs, sa-terus-nya berkata bahawa tidak-lah ada pula keadaan di-mana sebarang Kementerian, Jabatan dll. berasa perlu merojokkan perkara2 yang berkeraan dengan pemasaran kapada sa-siapa yang berchenderongan sa-belum menjalankan tindakan pemasaran mereka sendiri. Ini, dengan senang-nya akan membawa kapada berlaku-nya ulangan gerakerja2 yang sama dan juga kepada kekeliruan. Jadi, memanglah sangat perlu ditubohkan sa-buah perbadanan pusat yang lengkap dengan kuasa yang berpadanan dan yang boleh bertugas sa-bagi rumah penjelasan bagi perkara2 pemasaran dan menolong Kerajaan membentuk dasar2 dan kaedah2 pemasaran membahagi peranan2 dan tanggong jawab di-atas pemasaran, dan mengeluarkan arahan2 berkeraan dengan chara2 menchapai penyelesaian tentang perkara2 pemasaran. Oleh itu, Major Biggs menchadang supaya di-tubohkan sa-buah perbadanan yang bertugas dan bertanggong jawab dalam mengadakan penyesuaian berkeraan dengan gerakerja2 pemasaran oleh Kementerian2 Jabatan, dll. yang berkeraan.

Tujuan dan Dasar Fama

Ternyata-lah daripada tugas2 yang di-bentangkan di-dalam Undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bahawa tujuan2 Lembaga ini ia-lah memula, meranchang dan melancharkan ranchangan2 kemajuan dengan tujuan menambah lagi hasil2 bersih untuk pengusaha2 pertanian. Dengan lebeh khusus, tujuan2-nya ada-lah saperti berikut:-

- (i) Mengerat dan mengerjasama dengan Lembaga2 Kerajaan dan perba-

danan2 yang ada dan yang bersangkutan dengan pemasaran pertanian supaya dapat membaiki dan melichin chara2 pemasaran:

- (a) dengan memulakan ranchangan2 pemasaran;
 - (b) dengan mengadakan kemudahan2 pemasaran seperti tempat simpanan pengangkutan dan lain2;
 - (c) dengan menentukan mutu, darjah2 pembungkusan, chara2 pemasaran dan penjualan dan lain;
 - (d) dengan melichinkan pertukaran yang lebuh tepat tentang mutu, banyak dan jenis hasil yang di-jual di-pasaran dengan mengadakan penyelidekan pasaran. Oleh itu, pengusaha2 akan terjamin pendapatan yang lebuh besar daripada dahulu.
- (ii) Melindong pengusaha2 dan pengguna daripada desakan harga pertanian yang turun naik;
 - (iii) Mengadakan keadaan ekonomi dan kemasyarakatan yang lebuh se-suai untuk menambah dan meluaskan penjenisan pertanian di-dalam pembangunan dan pengeluaran pertanian.

Ada-lah ternyata juga bahawa penubohan Lembaga ini bukan-lah bertujuan hendak menghapuskan ekonomi pasaran bebas negeri ini kerana Undang2 Penubohan Lembaga ini mengadakan perlindongan untok memelihara keselamatan dan kepentingan hak mutlak persa-orangan, perusahaan2 dan perbadanan2 yang bertugas dalam bidang pemasaran hasil pertanian.

Sunggoh pun dasar yang di-akui ia-lah dasar menggalakan perusahaan bebas, tetapi memandang kapada satu2 keadaan yang tidak berubah2 yang banyak tertumpu di-dalam ekonomi pertanian, memang-lah menjadi kewajipan Lembaga ini menjaminkan penanam2 padi, pengeluar2 kecil minyak kelapa sawit, buah kelapa, buahan2 dan sayor2an dan nelayan2 menerima sabahagian daripada pendapatan yang di-terbit oleh ekonomi dengan lebuh berpatut dan banyak.

Lembaga

Lembaga ini saperti yang di-chatitkan di-bawah Bahagian 2 Undang2 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan mengandungi 13 orang Ahli. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi ada-lah di-lantek oleh D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Agong dan 11 orang ahli yang lain oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Ahli2 Lembaga ini adalah seperti berikut:-

Pengerusi

Y.B. Enche' Hanafiah Hussain, A.M.N., M.P.

Timbalan Pengerusi

Enche' AbdulAziz bin Mohd. Yassin, K.M.N., P.J.K.

Ahli2

- Dato' Syed Zahiruddin bin Syed Hassan, D.P.M.P -
Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.*
- Enche' Ma 'arof bin Sheikh Ahmad, J.M.N.
- Setiausaha, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.*

Enche 'Thong Yaw Hong, J.M.N.

*-Timbalan Setiausaha, Yunit Perancangan Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri.*

Enche 'Abdul Ghani bin Mohd Noor, S.M.S.

- Wakil Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Enche 'Mohd Nurzid bin Mohd. Wali

Wakil Setiausaha Tetap, Perbadanan.

Y.M. Professor Ungku Aziz.

Y.B. Dato 'Ganie Gilong, M.P.

Y.B. Dr. Mahathir bin Mohamad, M.P.

Y.B. Enche 'Kam Woon Wah J.P., M.P

Y.B. Enche 'Thomas Kana, K.M.N. M.P.

Enche 'Mansor bin Osman, K.M.N.

Pada tahun yang sedang di-kajikan, Lembaga ini telah berjumpa enam kali. Jawatankuasa Penubohan lima kali, dan Jawatankuasa Kewangan empat kali.

Kakitangan

Penubohan Lembaga ini telah mengadakan perkhidmatan untuk dua orang Ketua Ahli Ekonomi Pemasaran, sa-orang Setiausaha Kerja, enam orang Ahli Ekonomi Kanan, sa-orang Akauntan, sa-orang Pegawai Perangkaan enam belas orang Pegawai Ahli Ekonomi Pemasaran dan beberapa orang kakitangan2 lain. Lembaga menyambut baik ketibaan Dr. Omar Wahby, sa-orang Pakar Pemasaran FAO, sa-bagai Penasihat kepada Lembaga ini. Di-dalam tahun yang sedang di-kajikan, Lembaga juga mendapat perkhidmatan Prof. Udhis Narkswasdi, Ahli Ekonomi Pertanian FAO.

Bentuk Pertubuhan

Lembaga ini terbahagi kepada dua bahagian, ia-itu bahagian pentadbiran dan bahagian teknik. Bahagian pentadbiran ada-lah bertanggong jawab di atas petadbiran sa-hari2, mengadakan perkhidmatan urusan kerja, pengambilan kakitangan2, perhubungan umum dan gerakerja pengiraan. Bahagian teknik, kebanyakannya ada-lah berhabbit dengan mengadakan penyelidikan di atas sistem pemasaran berbagai2 hasil pertanian dan menjadangkan ranchangan2 pemasaran yang berpadanan untuk di-gunakan. Tugas2 beberapa bahagian Teknik ada-lah seperti berikut:-

Bahagian Barang

Bahagian ini di-ketuai oleh sa-orang Ketua Ahli Ekonomi Pemasaran yang di-bantu oleh empat orang Ahli Ekonomi Pemasaran Kanan dan sa-belas orang Ahli Ekonomi Pemasaran yang bertugas khas dalam barang yang di-untokkan kapada mereka. Bagi tiap2 kumpulan barang, kerja2 di-bahagikan dengan chara memboleh tiap2 sa-orang Ahli Ekonomi itu menumpu perhatian khas kapada mas'alah2 pemasaran sa-suatu barang dan juga kawan yang di-luputi-nya sahaja.

Bahagian Perkhidmatan Pemasaran

Bahagian ini mempunyai perkhidmatan untuk sa-orang Ketua Ahli Ekonomi Pemasaran, sa-orang Ahli Ekonomi Pemasaran Kanan dan tiga orang Ahli Ekonomi Pemasaran. Ada-lah tanggongjawab Bahagian ini untuk menjalankan dan menubohkan perkhidmatan2 yang akan membaiki lagi sistem pemasaran yang ada, seperti mengadakan kemudahan2 pemasaran, menentukan mutu2 dan darjah2, mengumpol dan menyibarkan penerangan2 pemasaran dll.

Bahagian Penyelidekan dan Perangkaan

Bahagian ini mengandungi sa-orang Ahli Ekonomi Pemasaran Kanan, yang di-bantu oleh dua orang Ahli Ekonomi Pemasaran dan sa-orang Pegawai Perangkaan. Bahagian ini memberi perkhidmatan kapada Bahagian Barang2 dan Perkhidmatan berkenaan dengan peninjauan2 yang akan di-jalankan oleh mereka. Bahagian ini menolong Ahli2 Ekonomi yang berkenaan dengan menyiapkan soalan2, pemilehan kaedah chontoh dan memproses ma'alumat yang di-kumpulkan.

GERAKERJA FAMA

Ranchangan Latehan

Latehan pegawai2 kanan yang baru di-ambil ada-lah di-beri keutamaan khas di-dalam ranchangan kerja pada bahagian awal tahun 1966, kerana latehan saperti itu adalah di-fikirkan mustahak untuk mendapatkan fahaman dan penghargaan yang lebih penoh tentang mas'alah2 pemasaran hasil pertanian. Dalam hal ini, Lembaga ini terhutang budi kapada FAO di atas pertolongan dalam meranchang dan menjalankan kursus latehan ini.

Satu kursus permulaan di-adakan di-antara 17hb Januari dan 8hb Februari, 1966. Tujuan utama kursus ini ia-lah untuk membiasakan pegawai2 dengan tugas2 jabatan dan perbadanan Kerajaan yang berkenaan dengan kemajuan ekonomi. Termasuk dalam kursus ini ia-lah lawatan ka-ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, sa-buah ranchangan menanam samula dan memulehkan pokok kelapa, Lembaga Penyelidekan Getah dan kawasan menanam padi di-Tanjong Karang dan Kilang Beras Kesatuan Kilang Kerjasama.

Kursus permulaan yang pendek ini di-ikuti dengan Kursus Latehan Pemasaran yang di-adakan daripada 24hb Februari hingga 2hb April. 1966 dibawah anjoran FAO. Kursus ini di-buka oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-majlis yang di-hadiri oleh beberapa orang2 kenamaan. Berkennaan dengan hal ini. Lembaga bersukachita menchatetkan di-dalam rekod perasaan penghargaan-nya di-atas perkhidmatan yang di-beri oleh Enche' K.R. Ellinger dan Prof. Udhis Narkswasdi daripada FAO, Enche' J.W Bevan. Penasihat Ranchangan Colombo kapada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Enche' Teo Tiang Seng daripada Lembaga Perusahaan Nenas, Dr. Rashdan bin Baba, Pengetua Maktab Pertanian Serdang, Dr. M.C. Agarwala daripada Universiti Malaya dan Enche' S.Selvadurai daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Kursus latehan ini meliputi teori dan peraktik termasok peninjauan permulaan dan penyelidekan di atas mas'alah pemasaran padi di-Tanjong Karang dan Sabak Bernam, Perlis, Krian dan Seberang Prai dan juga mas'alah pemasaran ikan di-Kuala Kedah. Juga termasok dalam kursus latehan adalah satu lawatan pembiasaan ka-jabatan2 Kerajaan dan Lembaga2 yang bersangkutan dengan penyelidekan dan kemajuan pertanian dan juga lawatan ka-beberapa ranchangan pertanian.

Ranchangan Pemasaran

Peninjauan permulaan yang di-jalankan pada awal tahun 1966 telah menunjukkan bahawa sangat-lah perlu di-adakan satu ranchangan memajukan pemasaran padi dengan sa-berapa segera. Oleh itu, pada 7hb Julai, 1966, Lembaga telah menyiarkan di-dalam Warta Kerajaan mengikut kehendak Sekshen 4 Undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, empat buah ranchangan memajukan pemasaran dengan bertujuan menerima sebarang bantahan daripada sa-siapa yang terlibat apabila ranchangan mula di-lancharkan kelak. Penyiasatan Awam telah di-adakan pada bulan Ogos, 1966 dan penyiasatan ini telah menjelaskan bahawa ranchangan2 yang di-chadang itu dapat di-terima pada umum-nya tetapi bantahan2 telah di-timbulkan berkenaan dengan sa-tengah2 sharat dalam ranchangan2 itu. Bantahan2 ini telah di-timbangkan di-dalam chadangan2 Lembaga yang terakhir yang di-serahkan kepada Y.B. Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Tujuan2 ranchangan ini yang pertama-nya ialah menjamin harga yang berpatutan dan yang tidak bertukar2an untuk peladang2. Kedua-nya ia-lah mengadakan kemudahan2 untuk menjalankan pemasaran padi yang lichin dan berkesan dan ketiga-nya, mengalakkkan chara2 menjalankan pemasaran yang baik dan membaiki sistem pemasaran padi yang ada sekarang.

Empat buah ranchangan yang di-chadangkan kepada Y.B. Menteri akan meliputi kawasan2 Tanjong Karang (termasok Sabak Bernam) di-dalam Negeri Selangor, Krian di-dalam Negeri Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Ranchangan2 ini akan di-urus dan di-kawal oleh sa-buah Lembaga Pemasaran Padi dan Beras. Ranchangan yang di-chadangkan untuk Tanjong Karang dan Perlis ada-lah ranchangan membeli sa-chara monopoli. Chadangan ini telah di-sesuaikan mengikut keadaan di-tempat2 ini. Ranchangan2 yang di-chadangkan untuk Krian dan Pulau Pinang ada-lah sama; di-dalam kedua2 ranchangan, Lembaga atau menerusi wakil akan membeli padi bersama2 dengan peniaga2 lain yang di-beri lesen oleh Lembaga ini.

Pada mula-nya, mengikut adanya kewangan, sa-buah ranchangan perniagaan dan pengeluaran lesen akan di-lancharkan di-Tanjong Karang di-dalam Negeri Selangor dalam tahun 1967. Bagi Pulau Pinang, Krian dan Perlis, ranchangan ada-lah sa-chara pengeluaran lesen dan mengadakan perkhidmatan penguat-kuasa.

Untuk melancharkan empat buah ranchangan yang tersebut di atas perbelanjaan modal sa-banyak \$2,12 juta ada-lah perlu untuk membenakemudahan2 seperti gudang2 padi lapangan mengering, dan mengadakan kemudahan pengangkutan dan wang pusingan sabanyak \$9.78 juta untuk membeli padi.

Empat buah ranchangan ini yang di-chadang dilancharkan dalam tahun 1967 meliputi kawasan berjumlah sa-luas 199,000 ekar atau pun sa-banyak

23% daripada jumlah luasnya kawasan padi di-negeri ini dan akan menghasilkan sa-banyak 5 juta pikul padi atau 35% daripada pengeluaran kebangsaan.

Chadangan2 Lembaga ini telah pun di-terima oleh Y.B.. Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan telah di-lulus oleh Kerajaan.

Di-dalam tahun yang di-kajikan, Lembaga juga mengadakan dan menyiapkan penyelidikan permulaan di atas mas'alah2 pemasaran di-Kedah, Sungai Manek, Kelantan, Pahang Tua dan Melaka. Ranchangan yang di-chadangkan untuk Kedah dan Sungai Manek sedang di-pertimbang untuk di-lancharkan. Ranchangan untuk Kelantan, Pahang Tua dan Melaka sedang disiapkan. Penyelidikan permulaan berkenaan dengan pemasaran ikan di-Barat dan di-Timor Malaysia, pemasaran kopi di-Kuala Langat dan Perak, pemasaran lada hitam di-Sarawak dan pemasaran telor di-Melaka juga telah di-jalankan dan siap dalam tahun 1966.

Peninjauan Pemasaran Padi Persekutuan

Pada tahun di-kajikan, Lembaga ini juga telah membuat persediaan untuk mengadakan suatu Peninjauan Kebangsaan di atas pemasaran padi dan beras di Malaysia Barat. Peninjauan ini di-anggap sangat-lah perlu oleh kerana tidak ada-nya peninjauan sa-macham ini yang di-jalankan pada masa yang lalu dan lagi pun sangat-lah kekurangan ma'alumat2 yang dapat digunakan untuk membentuk dasar2 pemasaran padi kebangsaan yang baik. Bersangkutan dengan peninjauan ini, peninjauan2 berasingan akan di-jalankan di atas pemasaran padi, orang tengah pemasaran kesatuan2 sharikat kerjasama, pengilang pemborong beras, perniagaan runchit dan pengguna beras.

Gerakerja Lain Fama Dalam Tahun 1966

Pada masa tahun yang sedang di-kajikan, Lembaga telah memberi perhatian berat berkenaan dengan penubohan sa-buah Perkhidmatan Berita Pemasaran yang bertugas sa-bagai mengumpol dan menyebarkan berita2 pemasaran Berita2 ini akan di-sebarkan kapada kaum petani, peniaga, pengusaha dan pengguna2 melalui radio, surat khabar, dan risalah2. Peninjauan permulaan telah di-adakan di-dalam tahun yang di-janjikan tentang Perkhidmatan Berita Pasaran yang di-siar dari Radio Malaysia. Daripada hasil peninjauan itu di-dapati bahawa Perkhidmatan Berita Pasaran dapat di-perbaiki lagi. Dua Peringkat telah di-chadangkan di mana Lembaga dapat membuat sumbangan-nya. Pada Peringkat pertama badan2 yang mengumpol harga2 akan diminta supaya meneruskan tugas mereka, tetapi ma'alumat ini akan di-salorkan kapada Lembaga untuk di-proses dahulu sabelum di-sampai balek kepada Radio Malaysia. Pada Peringkat yang kedua, Lembaga ini akan mempunyai pekerja2 luar-nya sendiri dan akan bertanggung jawab di atas penubohan suatu jentera yang berkesan untuk mengumpulkan berita2 pasaran.

Pada tahun yang sedang di-kajikan, sa-buah peninjauan kecil di-jalankan di atas pasaran runchit di-Kuala Lumpur untuk memilih tempat2 yang sesuai sekali bagi membuat laporan berkenaan dengan harga2 pasaran. Laporan

harga tiap2 hari dan minggu telah di-siarkan pada tahun 1966 berkenaan dengan perniagaan hasil2 pertanian dalam negeri dan antara bangsa.

Dalam tahun yang sedang di-kajikan, usaha2 telah pun di-buat untuk membina lagi Bahagian Perlaksanaan Pemasaran. Memandang kepada betapa mustahak-nya memberi perhatian kapada mas'alah dalam mengadakan mutu dan darjah yang baik. Lembaga juga memberi perhatian kapada mas'alah mengadakan mutu untuk jadi.

Penyata Kira2 Tahunan

Mengikut Sekshen 10 Undang2 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 penyata kira2 yang di-pereksa ada-lah di-siarkan di-muka 9 hingga 13 di-dalam laporan ini.

Pengkajian Pertanian dan Ekonomi

Dalam melaksanakan tugas2-nya yang di-berikan di-bawah Sekshen 3 Undang2, Lembaga menyiarkan dalam bahagian Laporan Ekonomi dan Penghasilan, kajian berkenaan dengan pertanian dan ekonomi, kemajuan dan Lembaga2 pemasaran pertanian.

Penghargaan Terhadap Kakitangan


Kemajuan yang di-chapai pada tahun 1966, satahun pertama dalam gerak kerja Lembaga ini, ada-lah pada sa-bahagian besar-nya tergantong kapada kakitangan-nya yang berbakat dan bersunggoh2. Masa di-hadapan ada-lah satu masa yang penoh dengan rintangan. Tetapi Lembaga ini ada harapan yang penoh bahawa kakitangan-nya boleh menghadapi rintangan ini dengan kebijaksanaan dan ketabahan.

A.Aziz Yassin
Timbalan Pengerusi
Lembaga Pemasaran
Pertanian Persekutuan

Hanafiah Hussein
Pengerusi
Lembaga Pemasaran
Pertanian Persekutuan

Bertarikh 29hb. Jun. 1967

RAJAH PENTADBIRAN



TUGAS:

- Bertanggung jawab di atas pentadbiran sa-hari2, perkhidmatan urusan kerja dan pengambilan kakitangan, pengiraan hal kewangan, perhubungan umum, dan penyediaan penyelidikan umum dan persiapan laporan-nya.

TUGAS:

- Berurusan dengan menjalankan dan menyelidik tentang urusan kerja dan pengambilan kakitangan, pengiraan hal kewangan, perhubungan umum, dan penyediaan penyelidikan umum dan persiapan laporan-nya.

TUGAS:

- Berurusan dengan menjalankan dan menyelidik tentang urusan kerja dan pengambilan kakitangan, pengiraan hal kewangan, perhubungan umum, dan penyediaan penyelidikan umum dan persiapan laporan-nya.

TUGAS:

- Bagian ini bertanggung jawab di atas memberi perkhidmatan kapada Bahagian Barangan dan Perkhidmatan Pemasaran di dalam peninjauan yang akan dilanjutkan oleh mereka;
- Bertanggung jawab di atas menyediakan soalan2, memilih kaedah cawangan dan memproses maklumat yang dikumpul.

LAPORAN JURU—ODIT NEGARA KEPADA AHLI2 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

BERKENAAN KIRA2 KEWANGAN AKHIR 1965

Penyata Kira2 dan Kunchi Kira2 yang di-lampirkan bersama2 ini telah di-perekxa mengikut sharat2 Undang2 Odit, 1957. Segala penerangan dan penjelasan2 yang di-kehendaki telah di-perolehi.

Berthabit kapada pemerhatian2 yang berikut, dengan ini saya mengaku sa-bagai hasil daripada pengoditan ini bahawa pada fikiran saya Kira2 Kewangan dan Kunchi Kira2 ini ada-lah di-sediakan dengan betul-nya untuk menunjukkan satu pandangan yang sa-benar dan berpatutan bagi pengurusan dan keadaan hal ehwal Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan:-

1. Perbelanjaan bagi alatan tulis menulis melebhi peuntokan yang telah di-luluskan sa-banyak \$559.00.
2. Perbelanjaan berjumlah \$47,215 yang berchorak modal telah di masukkan kapada Pendapatan dan Kira2 Perbelanjaan.
3. Undang2 bagi gerakan Kumpulan Wang Petarohan Kakitangan belum lagi di-selesaikan dan di-serahkan kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama untuk di-luluskan.

29hb. Jun 1966
Kuala Lumpur,

Tanda Tangan
(S. KANDIAH).
Pg. Juru Odit Negara

BERKENAAN KIRA2 KEWANGAN AKHIR 1966

Penyata2 Kira2 dan Kunchi Kira2 yang di-lampirkan bersama2 ini telah di-perekxa mengikut sharat2 Undang2 Odit. 1957. Segala penerangan dan penjelasan2 yang di-kehendaki telah di-perolehi.

Dengan ini saya mengaku, sa-bagai hasil dari odit ini bahawa, pada fikiran saya, Kira2 Kewangan dan Kunchi2 Kira2 ini ada-lah di-sediakan dengan betulnya untuk menunjukkan satu pandangan yang sa-benar dan berpatutan bagi pengurusan2 dan keadaan hal ehwal Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

27hb. Julai 1967
Kuala Lumpur

Tanda Tangan
(S.KANDIAH)
Juru Odit Negara

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN.

Kunchi Kira2 Sebagai Pada 31hb. Disember, 1965

LEBEHAN TERKUMPUL

\$55,528.31

MENGANDONGI SEPERTI BERIKUT:

HARTA2

KUMPULAN WANG PENDAHULUAN BAGI KENAIKAN	20,000.00
Wang Tunai di Bank	12,333.33
Baki Pinjaman	<u>7,666.67</u>

HARTA2 YANG ADA SEKARANG	45,274.86
Si-berhutang	30.00
Alatan tulis menulis	3,722.51
Wang tunai di bank ‘Am	34,701.79
Kumpulan Wang Pertarahan	
Pekerja2	44.00
Kumpulan Wang Pertarahan Kakitangan	<u>386.56</u>
	35,132.35
Pertarohan2 dan	
Pendahuluan2	<u>6,390.00</u>
	64,274.86

KURANGTANGGONGAN2 YANG ADA SEKARANG

Sipiutang2	9,315.99
Kumpulan Wang Pertaruhan Pekerja	44.00
Kumpulan Wang Pertaruhan Kakitangan	<u>386.56</u>
	<u>9,746.55</u>
	<u><u>\$55,528.31</u></u>

TANDA TANGAN,
HANAFIAH HUSSAIN,
Pengerusi
Lembaga Pemasaran
Pertanian Persekutuan

TANDA TANGAN
AHMAD KAMAL AL - YAFEE
Akauntan
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Jangka Masa
2hb. September, 1965, Sehingga 31hb. Disember, 1965

PENDAPATAN	\$	\$
Bantuan dari Perbendaharaan		150,340.00
KURANG PERBELANJAAN		94,811.69
GAJIPEGAWAI		13,627.51
Gaji2 Asas	11,473.43	
Elaun Sara Hidup	467.24	
Elaun Tetamu	750.00	
Elaun2 Rumah	649.80	
Kumpulan wang pertarohan kaki-tangan (sumbanganMajikan2)	22.00	
Kumpulan Wang Pertarohan Kakitangan (SumbanganMajikan2)	<u>265.04</u>	
LAIN2 PERBELANJAAN BERULANG TIAP TAHUN		9,619.34
Sewa Pejabat	2,322.58	
Ekran2	2,227.00	
Alatan Tulis Menulis	2,558.26	
Pengangkutan dan Perjalanan		
Ahli2 Perbadanan	262.16	
Pengangkutan dan Perjalanan Kakitangan	1,149.36	
Perbelanjaan Perubatan	435.00	
Pakaian Sa-ragam	79.00	
Perbelanjaan Tidak Sengaja	67.35	
Perbelanjaan Talipon	93.25	
Belanja2 Pos	233.65	
Perpustakaan Pejabat	38.70	
Api Letrik	53.03	
Pembersehan Pejabat	<u>100.00</u>	
LAIN2 PERBELANJAAN KHAS		71,564.84
Kelengkapan Pejabat	15,598.50	
Perkakas2 Pejabat	18,732.24	
Sistem TaliponPABX	12,019.00	
Mesen Perakam	865.00	
Langsir2Tingkap	600.00	
Penyekatan Pejabat	<u>23,750.00</u>	
		<u>\$55,528.31</u>

TANDATANGAN,
HANAFIAH HUSSAIN
Pengerusi
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

TANDATANGAN
AHMAD KAMALAL - YAFFE,
Akauntan
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN.

Kunchi Kira2 Sebagai Pada 31hb. Disember 1966.

Lebahan Terkumpul

Lebahan seperti pada 31.12.1965		\$55,528.31
Lebahan seperti untuk 1966		\$506,706.46
		<u>562,234.77</u>

Adalah mengandungi seperti berikut:

HARTA2

Harta2 Yang ada Sekarang

Wang tunai perbelanjaan kecil	\$29.32
-------------------------------	---------

Wang Tunai di Bank:

Kumpulan Wang Biasa	\$191,980.55
Kumpulan Wang Pembangunan	<u>105,306.16</u>
	297,286.71

Siberhutang	200.67
-------------	--------

Faerah yang di-dapat	
----------------------	--

Biasa	129.92
-------	--------

Pembangunan	128.14
-------------	--------

Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan	<u>115.18</u>
	373.24

Pendahuluan	1,716.00
-------------	----------

Simpanan2 dan Bayaran2 dahulu	<u>6,207.43</u>	305,813.37
-------------------------------	-----------------	------------

Penanam Modal

Petarohan Tetap Kumpulan Wang Biasa	18,041.68
-------------------------------------	-----------

Petarohan Tetap Kumpulan Wang Pembangunan	102,515.63
---	------------

Petarohan Tetap Kumpulan Wang	
-------------------------------	--

Simpanan Kakitangan	<u>42,505.65</u>	163,062.96
---------------------	------------------	------------

Kumpulan Wang Pendahuluan Untuk Kenaikan

Wang Tunai di-Bank	46,014.29
--------------------	-----------

Bagi Pinjaman2	<u>53,985.71</u>	100,000.00
----------------	------------------	------------

Harta2 Tetap

Harga	Susutan sahingga tarikh ini	Berseh
-------	-----------------------------------	--------

Perkakas2 dan kelengkapan Pejabat

1 hb. Januari, 1966	47,214.84	19,355.31	27,859.53
---------------------	-----------	-----------	-----------

Dalam tahun 1966	<u>14,501.90</u>	6,098.42	8,403.48
------------------	------------------	----------	----------

	61,716.74	25,453.73	36,263.01
--	-----------	-----------	-----------

Kereta2 Bermotor

dalam tahun 1966	8,699.00	2,372.00	6,327.00
------------------	----------	----------	----------

	<u>70,415.74</u>	27,825.73	42,590.01
--	------------------	-----------	-----------

	42,590.01
--	-----------

	611,466.34
--	------------

TANGGONGAN2 KURANG

Tanggongan yang ada sekarang

Siber hutang2

Kumpulan Wang Peratoran Kakitangan

6,610.74

42,620.83

49,231.57

\$562,234.77

TANDATANGAN,

HANAFIAH HUSSAIN

Pengerusi

Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan

TANDATANGAN

AHMAD KAMAL AL—YAFEE

Akauntan

Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN.
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun Berakhir
31hb. Disember, 1966

PENDAPATAN

Bantuan dari Perbendaharaan:	
Untuk Perbelanjaan biasa	\$915,875.00
Untuk Perbelanjaan Pembangunan	<u>233,148.00</u> \$1,149,023.00

Faedah2 Bagi:-

Simpanan semasa kumpulan2 wang biasa	2,100.53
Penyimpan2 tetap kumpulan2 wang biasa	1,387.73
Simpanan semasa kumpulan2 wang pembangunan	441.58
Penyimpan2 Tetap kumpulan2 wang pembangunan	<u>2,643.77</u> 6,573.61
Harta2 tetap yang dibeli dalam tahun 1965 sekarang bermodal	<u>47,214.84</u>
	1,202,811.45

KURANG PERBELANJAAN

Pendapatan2 Pegawai

Gaji2 Asas	\$341,445.72
Elaun Sara Hidup	12,420.52
Elaun2 Rumah	70,907.37
Kumpulan wang pertarohan kaki-tangan (sumbangan Majikan2)	28,953.60
Kumpulan wang pertarohan pekerja- pekerja (sumbangan Majikan2)	3,789.00
Sumbangan persaraan bagi Timbalan Pengerusi	<u>4,990.32</u> 462,506.53

Lain2 Bayaran Tahunan yang berulang2

Tidak sengaja	1,060.31
Penyelenggaraan mesin	298.50
Talipon dan Taligeram	8,394.84
Alat tulis menulis	5,938.49
Pengangkutan dan perjalanan kaki-tangan	19,593.36
Belanja Pos	634.14
Penerangan	3,624.65
Peta2	332.90
Sewa Pejabat	57,505.50
Khutub Khanah pejabat	3,605.50
Pakaian sa-ragam	319.60

Pengangkutan dan Perjalanan ahli2			
perbadanan	20,926.70		
Elaun2 latihan bahasa kebangsaan	4,344.50		
Perbelanjaan Perubatan	8,437.25		
Eklan2	1,825.75		
Pembersehan pejabat	2,350.00		
Api, kuasa dan ayer	3,823.50		
Perbelanjaan2 latehan			
pemasaran	15,025.78		
Bayaran Undang2	6,704.15		
Pembaikan, penyelenggaran kereta2			
bermotor	940.42		
Perbelanjaan2 untok tetamu	2,898.43		
Penyiasatan Awam	866.40		
Bayaran2 Odit	950.00		
Peruntukan bagi susutan harta2			
tetap	<u>27,825.73</u>	198,225.40	
Lain2 Bayaran Perbelanjaan Khas			
Perbelanjaan2 pakar2	5,477.09		
Langsir tingkap	<u>1,612.55</u>	7,089.64	
Perbelanjaan kemajuan penyiasatan			
penyelidekan	28,283.42	<u>696,104.99</u>	
		\$ 506,706.46	<u><u></u></u>